

# Hishammuddin puas hati pencapaian pelajar dalam PMR 2006

UM - 23/12/2006

PUTRAJAYA 22 Dis. - Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berpuas hati dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) lalu.

Beliau juga mendapati tidak ada sebarang perubahan besar serta drastik terhadap prestasi setiap mata pelajaran.

Menurut beliau, perkara itu adalah berdasarkan kepada laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) kepadanya.

"LPM juga memaklumkan kepada saya bahawa pendekatan PMR merupakan lanjutan kepada pendekatan penilaian di persekolahan rendah yang bertujuan menyediakan se-

luas-luas peluang pembelajaran kepada pelajar.

"Ini bagi membolehkan mereka membina kemahiran asas literasi dan pengiraan melibatkan kemahiran-kemahiran tertentu," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Dalam peperiksaan PMR lalu, sebanyak 448,324 calon menduduki peperiksaan tersebut di 3,171 buah pusat peperiksaan melibatkan 22,655 pengawas peperiksaan dan 11,401 orang pemeriksa kertas.

Hishammuddin berkata, pelajar boleh mendapatkan keputusan peperiksaan mereka mulai 28 Disember ini namun keputusan penuh hanya akan diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Ahamad Sipon pada 29 Disem-

ber.

Dalam pengumuman kali ini, katanya, Dr. Ahamad akan membuat perbandingan prestasi mata pelajaran Sains dan Matematik.

"Walaupun Ketua Pengarah sebelum ini mengambil pendekatan untuk tidak membuat sebarang perbandingan terhadap prestasi mata pelajaran sepanjang tempoh tiga tahun lepas, namun tahun ini sedikit pengecualian diberikan.

"Ini terutama bagi mata pelajaran Sains dan Matematik kerana ini merupakan kumpulan kedua pelajar yang menduduki PMR di bawah Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPS-MI)," katanya.